

02/01/1998

Tingkat hasilkan barangan bertaraf dunia: PM

SERDANG, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, kegawatan ekonomi yang melanda negara sekarang akan pulih lebih cepat dengan kerjasama rakyat membeli barang keluaran tempatan manakala pengeluar meningkatkan mutu barangan eksport supaya mencapai taraf dunia.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sudah merumuskan rancangan pemulihan ekonomi dan ia memerlukan sokongan dan kerjasama segenap lapisan rakyat untuk menjayakannya.

"Negara kita sekarang ini menghadapi masalah ekonomi yang bukan berpunca daripada kita. Negara membangun dengan pesat sehingga Julai tahun lalu dan tiba-tiba melalui tindakan pihak tertentu, nilai mata wang negara jatuh menjadikan kita bertambah miskin dan menyebabkan kita menghadapi pelbagai masalah ekonomi.

"Kuasa beli kita juga semakin kurang dan harga barangan tertentu yang diimport sekarang melambung. Ini menyebabkan masalah kepada kita.

"Apa yang rakyat perlu lakukan dianggap mudah iaitu menggalakkan barang buatan Malaysia bukan sahaja untuk kegunaan dalam negeri malah dieksport. Malah kita mahu mengeksport sebanyak mungkin untuk mendapatkan seberapa banyak tukaran mata wang asing.

"Jika rakyat memberi kerjasama penuh, kita boleh mengatasi segala kesulitan ini," katanya ketika melancarkan kempen Cintai Malaysia, Beli Barangan Malaysia sempena sambutan hari keluarga Country Heights ke-9 di The Mines, petang ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik serta Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat Country Heights, Tan Sri Lee Kim Yew.

Menurut Perdana Menteri, kempen itu bukan bersifat nasionalisme ekonomi tetapi ia disebabkan rakyat tidak mampu membeli barangan import kerana nilai ringgit jatuh.

"Dengan mengenali barangan buat Malaysia dan membelinya, ini bermakna rakyat membantu negara pulih lebih awal.

"Apabila negara pulih, kita semua mendapat manfaatnya," katanya.

Namun begitu, katanya, pengeluar barang tempatan tidak menaikkan harga begitu banyak walaupun mungkin berlaku sedikit kenaikan kerana ada komponen import dalam barang keluaran mereka.

Pada majlis yang sama, Dr Mahathir melancarkan Pusat Rekabentuk Eksport Antarabangsa (IDEC) di tingkat 2, The Mines.

Pusat seluas 200,000 kaki persegi itu akan menjadi tempat pameran barang buatan Malaysia selama tiga bulan secara percuma kepada pengeluar tempatan.

(END)